

24/08/2001

Sole 2001 perkenal teknologi baru pendidikan

SIMPOSIUM Pembelajaran Elektronik 2001 (Sole 2001) anjuran Universiti Malaysia Sarawak, Mimos Bhd dan Kementerian Pendidikan akan berlangsung 5 hingga 7 September ini sempena pameran MSC-Multimedia Asia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Simposium itu bertujuan memperkenalkan teknologi baru dalam pendidikan dan penyelesaian berasaskan web bagi menyokong persekitaran pelajaran.

Ia akan membincangkan isu semasa berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan terutama di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Matlamat utama Sole 2001 adalah mempamerkan pengalaman, kepakaran, peralatan dan penyelesaian yang ada bagi pelaksanaan teknologi dalam persekitaran pendidikan.

Ia juga menjadi landasan kepada pendidik, profesional, ahli teknologi dan penyedia kandungan untuk memperincikan tanggungjawab dan kepakaran mereka bagi membangunkan persekitaran pelajaran bestari untuk negara.

Selain itu, ia dapat mengumpulkan semua pihak yang terbabit dalam bidang pendidikan, penyedia kandungan dan penyedia perkhidmatan untuk membincangkan pelbagai isu terkini dalam aspek ICT.

Sole 2001 adalah lanjutan daripada Sole 2000 yang berlangsung di Kuching tahun lalu. Sole 2001 akan dijadikan tempat rujukan untuk memahami secara lebih mendalam bidang ICT dalam pendidikan.

Laporan yang akan diserahkan kepada Majlis Teknologi Maklumat Negara oleh jawatankuasa penganjur mengenai perkembangan pelajaran elektronik di negara ini berdasarkan idea dan amalan terbaik yang dibentangkan.

Antara tajuk yang dibincangkan adalah pembangunan kandungan untuk pelajaran elektronik; teknologi bersepadu merentas kurikulum; menguruskan sumber teknologi di sekolah, pusat pendidikan tinggi dan tempat kerja, proses pembelajaran sepanjang hayat serta pengurusan ilmu dan pendidikan organisasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri upacara penutup simposium pada 6 September.

(END)